

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 57)**

18 NOV 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan secara terperinci status serta perancangan hospital di Petra Jaya Kuching Sarawak. Termasuk jumlah perbelanjaan, jangka masa siap, syarikat yang terlibat,jumlah kontrak yang ditawarkan, serta peranan mereka dalam projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Hospital Petra Jaya telah dimulakan pelaksanaan pembinaannya pada 30 Mei 2013 dan dijadualkan siap pada Jun 2017. Kos projek yang ditawarkan adalah RM495 juta. Pembinaan melibatkan Jabatan kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana. Ia dilaksanakan secara reka dan bina, Zecon Sdn Bhd sebagai kontraktor dan W&W Architects & SJ Loong Architects sebagai perunding projek. Kemajuan fizikal projek setakat Ogos 2015 adalah sebanyak 20.45%(sebenar) berbanding

22.91%.(lewat 35 hari). Status Kewangan adalah sebanyak 18.75%(sebenar) berbanding 26.21%.

Untuk makluman juga, Projek Hospital Petrajaya dibina dengan kapasiti 300 katil. Skop projek merangkumi perkhidmatan klinik pakar, perkhidmatan pesakit dalam-wad, dewan bedah, perkhidmatan sokongan perubatan seperti CSSD dan juga perkhidmatan sokongan bukan perubatan seperti Unit IT dan Kejuruteraan.

SOALAN NO.: 11
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
KAWASAN : KUDAT
TARIKH : 18 NOVEMBER 2015, RABU

SOALAN:

YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI (KUDAT) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan pembinaan jalan persisiran Kota Belud ke Kudat seperti mana yang diumumkan pada Program Jelajah Janji Ditepati di Daerah Kudat pada 14hb Oktober 2012.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian kemungkinan projek Jalan Pesisir Pantai Tuaran ke Kudat melalui Kota Belud telah disiapkan oleh kementerian ini pada bulan Februari 2014. Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan 2 lorong 2 hala ('single carriageway') dengan rekabentuk JKR, R4 sepanjang 126km, dan melibatkan anggaran kos projek keseluruhan sebanyak RM1.75 bilion.

Berikutkan kos projek yang begitu tinggi itu, Jemaah Menteri pada bulan Ogos 2015 yang lalu telah bersetuju supaya jajaran Jalan Tuaran-Kudat ini dimasukkan sebagai sebahagian daripada skop projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah ini akan dilaksanakan melalui kaedah rakan pelaksana projek atau ‘project delivery partner’ (PDP), iaitu sebagaimana model pelaksanaan projek MRT. Ini bermakna Kerajaan akan melantik rakan pelaksana projek (‘project delivery partner’ - PDP) manakala pelaksanaan projek pula akan dipecahkan kepada beberapa pakej untuk ditender, termasuk jajaran Jalan Tuaran-Kudat. Pembiayaan projek ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

Pada masa kini rundingan antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang berkepentingan sedang diadakan untuk memuktamadkan perjanjian, khususnya melibatkan aspek teknikal dan kewangan. Perjanjian konsesi Lebuhraya Pan Borneo Sabah dijangka akan dimeterai pada akhir tahun ini. Manakala pembinaan fizikal pula dijangka akan dimulakan pada tahun 2016 dengan tempoh siap ialah selama antara 6 hingga 8 tahun.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. : 12

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 18 NOV 2015

RUJUKAN : DR044

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah air bertakung dan limpahan air Sungai Golok di Rantau Panjang serta pelan jangka panjang untuk atasi kerugian perniagaan, hasil pertanian dan harta benda setiap tahun di Rantau Panjang akibat banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedia maklum berkenaan masalah yang dihadapi di sepanjang koridor Sungai Golok. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan telah meluluskan projek-projek berikut dalam *Rolling Plan 1 (RP1) RMKe-11*:

- 1) Rancangan Menstabil Tebing Sg. Golok (KESBAN) Fasa II Kelantan; dan
- 2) Pembangunan Lembangan Bersepadu Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2015
SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina Hospital di daerah Baru Subis di bawah Parlimen Sibuti memandangkan keperluan sebuah hospital wajar dipertimbangkan bagi keperluan masyarakat luar bandar dan bagaimanakah janji-janji Menteri Kesihatan yang lepas mengenai bina baru Klinik Kesihatan Bekenu.

Tuan Yang di-Pertua,

Keperluan perkhidmatan kesihatan di Sibuti (populasi seramai 25,000 orang) masih boleh di tawarkan oleh Hospital Miri (hospital berpakar major) yang terletak lebih kurang 40 km atau 1 jam perjalanan dari Sibuti. Malah kerajaan telah mengumumkan projek naiktaraf Hospital Miri untuk Rancangan Malaysia ke-11 pada tahun hadapan selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Hospital Miri sebagai sebuah hospital rujukan bukan sahaja untuk daerah Sibuti malah seluruh wilayah utara

Sarawak. Penduduk Sibuti boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan primer di Klinik Kesihatan Bekenu dan KK Tun hj Openg.

Bagi Klinik Kesihatan Bekenu baru, ianya telah dicadangkan untuk dibina dalam RMK11. Populasi Bekenu adalah seramai 11,700 orang. Klinik Kesihatan Bekenu sediaada terletak lebih kurang 43 KM dari bandar Miri atau 30 minit perjalanan dari Hospital Miri. Klinik Berdekatan adalah KK Tun Haji Openg, KKIA Lambir dan KK Batu Niah.